

GARIS PANDUAN PERANCANGAN

Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau Dan Taman Laut

GARIS PANDUAN PERANCANGAN

Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau Dan Taman Laut





JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMENANJUNG MALAYSIA
(KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN)
2012

Cetakan Pertama 2012

® Hakcipta

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Hakcipta terpelihara
Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi,
ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk cara,
sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan
sebagainya tanpa kebenaran bertulis
daripada Penerbit terlebih dahulu.

ISBN xxx-xxx-xxx-xx-x

Diterbitkan di Malaysia
Oleh
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan KerajaanTempatan
Tel : 03-2698 9211 Fax: 03-2094 1170

Pemberitahuan

Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Garis Panduan Perancangan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Bagi Kawasan Pesisiran Pantai yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. Ia juga hendaklah dibaca bersama dengan Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara, *National Integrated Coastal Zone Management Policy*, pelan-pelan pengurusan, garis panduan-garis panduan pembangunan serta perundangan-perundangan sedia ada.

Garis Panduan ini menggantikan Garis Panduan Perancangan Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau JPBD 1/96 yang telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia pada tahun 1996.

Pelaksanaan dan penguatkuasaan kepada garis panduan umum dan garis panduan khusus yang terkandung di dalam garis panduan ini perlu diselaras dengan rancangan-rancangan pemajuan (khususnya rancangan sturktur, rancangan tempatan dan rancangan kawasan khas) yang sedang berkuat kuasa. Garis panduan ini juga perlu merujuk kepada dasar-dasar, pekeliling, arahan dan piawaian yang digubal oleh pihak-pihak berkuasa berpandukan kepada skop kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang dan garis panduan-garis panduan yang disediakan oleh agensi-agensi lain.

Garis panduan ini terpakai bagi tempoh 5 tahun dari tarikh garis panduan ini diterbitkan dan perlu dikaji semula selepas tempoh ini.

2012



ISI KANDUNGAN **MUKA SURAT**

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

SENARAI FOTO

1. TUJUAN

Tujuan Garis Panduan Perancangan Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau ini disediakan adalah untuk-

- membantu pihak berkuasa negeri (PBN), pihak berkuasa tempatan (PBT) serta pemaju merancang, mengawal dan membangunkan kawasan pulau dari aspek perletakan, kepadatan, aktiviti yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam sesuatu pemajuan di sesebuah pulau;
- menyediakan syarat-syarat piawaian perancangan minima bagi semua pembangunan di kawasan pulau; dan
- memelihara dan memperbaiki kualiti persekitaran dan memulihara flora dan fauna serta bioversiti kawasan pulau dan sekitarnya.

2. SKOP

Skop GP ini merangkumi kategori pulau, prinsip-prinsip perancangan pulau dan taman laut, garis panduan umum serta garis panduan khusus pembangunan pulau dan taman laut.

2.1 Tafsiran Pulau

Sebuah pulau didefinisikan sebagai **sebidang tanah yang lebih kecil daripada benua dan lebih besar daripada terumbu batu karang dan dikelilingi oleh air. Gugusan pulau-pulau dinamakan sebagai kepulauan atau *archipelago.***

Definisi pulau mengikut Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan Hukum Laut Antarabangsa, tahun 1982 (UNCLOS '82), fasal 121 adalah "**daratan yang dibentuk secara alami dan dikelilingi oleh air, dan selalu berada di atas muka air tinggi**". Sebuah pulau tidak boleh ditenggelami pada saat air pasang.

2.2 Kategori Pulau-Pulau

Terdapat tiga kategori pulau yang digariskan didalam Laporan *National Marine Parks Malaysia : Policy and Concepts* 1989 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Walaubagaimanapun, skop kajian ini juga merangkumi satu lagi kategori iaitu pulau-pulau tidak didiami di mana pulau-pulau yang tidak termasuk di dalam mana-mana tiga kategori yang telah digariskan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

Empat kategori pulau berkenaan adalah seperti berikut:

i. Pulau Pembangunan

Pulau pembangunan meliputi pulau-pulau yang mempunyai kedua-dua kriteria/salah satu dari kriteria seperti berikut:

mempunyai keluasan lebih daripada 90 km. persegi dan bilangan penduduk melebihi 20,000 orang; atau

- merupakan pulau-pulau terpenting yang menjadi penggerak kepada ekonomi negara dan mempunyai berbagai rancangan pembangunan untuk meningkatkan ekonomi setempat dan negara. Contohnya Pulau Pinang, Pulau Langkawi dan Pulau Labuan.



Foto 1: Pulau Langkawi termasuk di dalam kategori pulau pembangunan manakala Pulau Pangkor merupakan contoh pulau peranginan.

ii. Pulau Peranginan/Pulau Destinasi Pelancongan

Pulau peranginan atau pulau destinasi pelancongan bermaksud pulau yang mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai sebuah pusat pelancongan antarabangsa dan tempatan yang diwartakan sebagai Pulau Peranginan oleh PBN.



Foto 2: Panorama Pulau Tioman dan Pulau Kapas yang menarik perhatian pelancong dan juga merupakan pulau di bawah kategori Pulau Taman Laut.

Ciri-ciri Pulau Peranginan/Pulau Destinasi Pelancongan ini ialah-

- pulau-pulau di mana sebahagian besar asas ekonomi setempat bergantung kepada sektor pelancongan;

- terkenal di dalam dan luar negara menjadi tumpuan pelancongan; dan

- mempunyai sumber-sumber semula jadi dan daya tarikan pelancongan. Contohnya pulau Pulau Pangkor, Pulau Tioman dan sebagainya.

iii. Pulau Taman Laut

Taman laut adalah kawasan perairan laut yang dizonkan sejauh dua batu nautika dari tikas air surut terendah, kecuali Pulau Kapas di Terengganu, Pulau Kuruman, Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kecil di Labuan yang dizonkan sejauh baru nautika dari tikas air surut terendah. Pewartaan tersebut dibuat di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317) melalui perintah penubuhan Taman Laut Malaysia 1994. Matlamat utama penubuhan taman laut di malaysia adalah untuk melindungi, memulihara dan mengurus secara berterusan ekosistem marin terutamanya terumbu karang dan flora fauna yang berkaitan yang memainkan peranan utama dalam kestabilan lautan secara keseluruhan, supaya ekosistem marin ini akan sentiasa terpelihara dari gangguan dan kerosakan untuk kenikmatan generasi akan datang.

.



Foto 3: Pulau Payar merupakan salah satu pulau taman laut

Pulau Taman Laut adalah pulau yang terletak di dalam perairan yang telah diwartakan sebagai taman laut. Sehingga kini, kawasan perairan seluas 2 batu nautika di sekeliling 42 buah pulau telah diwartakan sebagai taman laut. Senarai pulau-pulau tersebut adalah seperti di jadual 1.

Bagi pulau yang dilindungi dan diklasifikasikan di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Kawasan Larangan) 1994, aktiviti pemungutan cengkerang, moluska atau karang serta kegiatan menangkap ikan tanpa lesen adalah tidak dibenarkan. Contoh pulau-pulau yang termaktub di bawah perundangan in ialah Pulau Talang-Talang Besar, Sarawak dan Pulau Besar di Melaka.





Foto 4: Sempadan taman laut



Foto 5: Contoh-contoh kepelbagaian biologi dan ekologi Taman Laut yang perlu dipulihara.

Terdapat 42 pulau yang telah diwartakan sebagai taman laut di seluruh Malaysia. Senarai pulau-pulau tersebut seperti di dalam Jadual 1.

Bagi Pulau yang dilindungi ia diklasifikasikan di bawah *Fisheries (Prohibited Areas)* Regulations 1994. Bagi kepulauan ini, pemungutan kerang, siput dan terumbu karang adalah dilarang. Contoh-contoh Pulau Taman Laut adalah Pulau Nyireh dan Pulau Tenggol di Terengganu, Pulau Talang-Talang Besar, Pulau Talang-Talang Kecil dan Pulau Satang Besar di Sarawak.



Rajah 1: Lokasi Pulau-Pulau dan Taman Laut Yang Terdapat Di Semenanjung Malaysia
Sumber: Rancangan Fizikal Negara ke 2

Jadual 1: Senarai Pulau-Pulau Yang Diwartakan Sebagai Taman Laut Di Semenanjung Malaysia

Bil	Negeri	Luas (km-persegi	Kawasan Taman Laut Laut	
			Pulau-pulau yang digazet	Pulau-pulau lain di dalam perairan Taman Laut
1.	Kedah	188.13	Pulau Payar	-
			Pulau Kaca	-
			Pulau Lembu	-
			Pulau Segantang	-
	Jumlah		4 Taman Laut	
2.	Terengganu	568.69	Pulau Perhentian Kecil	-
			Pulau Perhentian Besar	-
			Pulau Susu Dara	Pulau Rawa
				Pulau Serenggeh
				Pulau Teku Burung
				Pulau Tokong Kemudi
				Pulau Tokong Kemudi Barat
			Pulau Lang Tengah	-
			Pulau Redang	Pulau Ling
				Pulau Ekor Tebu
				Pulau Kerengga Besar
				Pulau Kerengga Kecil
				Pulau Paku Besar
				Pulau Paku Kechil
				Pulau Cupak
			Pulau Lima	-
			Pulau Ekor Tebu	-
			Pulau Pinang	-
			Pulau Yu Kecil	-
			Pulau Yu Besar	-
			Pulau Kapas	Pulau Gemia

Sambungan...

Bil	Negeri	Luas (km-persegi)	Kawasan Taman Laut	
			Pulau-pulau yang digazet	Pulau-pulau lain di dalam perairan Taman Laut
			Pulau Nyireh	-
			Pulau Tenggol	-
	Jumlah		13 Taman Laut	13 Buah Pulau
3.	Pahang	676.61	Pulau Chebeh	-
			Pulau Seri Buat	Pulau Tasu
				Pulau Raja
			Pulau Sembilang	-
			Pulau Tioman	Pulau Renggis
				Pulau Tumok
				Pulau Soyak
			Pulau Tulai	-
			Pulau Labas	-
			Pulau Tokong Bara	-
			Pulau Gut	-
			Pulau Sepoi	-
	Jumlah		9 Taman Laut	5 Buah Pulau
4.	Johor	765.65	Pulau Goal	Pulau Kelabang
			Pulau Harimau	-
			Pulau Mensirip	-
			Pulau Hujung	-
			Pulau Tengah	-
			Pulau Besar	Pulau Bukit Tikus
			Pulau Rawa	-
			Pulau Tinggi	Pulau Ibol
				Pulau Penyembong
				Pulau Simbang
				Pulau Nanga Besar
				Pulau Nanga Kecil
				Pulau Apil

Sambungan....

Bil	Negeri	Luas (km-persegi)	Kawasan Taman Laut	
			Pulau-pulau yang digazet	Pulau-pulau lain di dalam perairan Taman Laut
				Pulau Lanting
			Pulau Mentinggi	
			Pulau Sibu	Pulau Sibu Kecil
				Pulau Papan
			Pulau Sibu Hujung	-
			Pulau Aur	Pulau Dayong
				Pulau Lang
				Pulau Pinang
			Pulau Pemanggil	-
	Jumlah		**14 Taman Laut**	**13 Buah Pulau**
5.	W.P Labuan	158.15	Pulau Kuraman	-
			Pulau Rusukan Besar	-
			Pulau Rusukan Kecil	-
	Jumlah		**3 Taman Laut**	
	Jumlah Keseluruhan		**42 Taman Laut**	**32 Buah Pulau**

Sumber : http://www.dmpm.nre.gov.my

iv. Pulau Tidak Didiami

Pulau dalam kategori ini merupakan pulau selain dari 3 kategori pulau yang dinyatakan. Pulau ini merupakan pulau yang tidak didiami, batu, terumbu karang dan sebagainya. Sehingga Februari 2011, sebanyak 236 pulau daripada 642 buah pulau yang berada di dalam perairan negara masih belum mempunyai nama dan tindakan segera perlu dilakukan untuk menamakan pulau-pulau berkenaan (Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar). Statistik daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Malaysia mempunyai 878 buah pulau dan 510 entiti geografi luar pesisir seperti batuan, beting, terumbu, permatang, tompok dan alur.



Foto 6: Pulau Angsa, Selangor merupakan salah satu contoh pulau yang tidak didiami.

Senarai penuh pulau-pulau yang terdapat di Malaysia mengikut kategori pulau adalah seperti **diLampiran 1.**

3. PRINSIP-PRINSIP PERANCANGAN

Perancangan pembangunan fizikal pulau-pulau dan taman laut perlu berlandaskan kepada falsafah dan prinsip berikut:

3.1 Falsafah dan Strategi Pembangunan Sejagat

Pendekatan perancangan pembangunan kawasan pulau-pulau dan taman laut adalah berlandaskan kepada pembangunan secara bersepadu dengan mengambilkira keperluan melindungi alam sekitar, habitat dan ekosistem semula jadi untuk manfaat manusia, seperti yang termaktub di dalam Doktrin Perancangan Pembangunan Sejagat. Sehubungan itu, garis panduan dan piawaian yang dirumus adalah untuk mencapai objektif kemampanan bukan sahaja sebagai amanah dari Pencipta malah untuk memelihara alam sekitar demi kesejahteraan generasi masa kini dan akan datang. Strategi pembangunan perlu mengambilkira risiko ancaman persisiran pantai secara semula jadi serta kenaikan aras air laut akibat fenomena perubahan iklim*(climate change).*

3.2 Tahap Keupayaan Tampungan

Konsep tahap tampungan adalah satu proses perancangan dan pengurusan untuk mengenal pasti berapa banyak perubahan yang boleh diterima (*threshold)* dari sesuatu persekitaran.



Foto 7: Tahap tampungan merupakan aspek penting dalam kajian pulau-pulau bagi keselamatan pengguna.

Konsep ini juga mencadangkan tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk mengurang atau menghadkan kesan sampingan yang negatif. Secara keseluruhanya, elemen penting dalam definisi tahap tampungan adalah-

- *the assumption of limits,*
- *thresholds, beyond which additional growth;*
- *change cannot be supported; dan*
- *is considered undesirable*.

Sumber Getz, (1982) *"A Rationale and Methodology for Assessing Capacity to Absorb Tourism".*

Kajian keupayaan tampungan bagi pulau berkenaan perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum strategi pembangunan dapat disediakan untuk memastikan cadangan aktiviti pembangunan adalah mampan dan sesuai untuk dibangunkan.

3.3 Pemeliharaan Ekosistem

Pemeliharaan dan pengurusan habitat semulajadi flora, fauna dan ekosistem kawasan pulau serta kawasan pantai amat penting dalam menjamin kesinambungan keunikan biodiversitinya. Aspek pengurusan termasuk tetapi tidak terbatas kepada menjamin kualiti air sungai dan laut, kualiti air bawah tanah, kualiti udara dan tahap bunyi yang dibenarkan.

Flora yang lazim terdapat di kawasan pulau ialah tumbuhan dari hutan pinggir pantai, hutan bukit berbatu atau bukit curam dan hutan paya bakau. Kesemua jenis hutan ini mempunyai kepentingan tersendiri dalam memastikan ekosistem pulau dapat dipelihara dengan baik bagi mengurangkan kesan kejadian tsunami dan hakisan pantai.



Foto 8 : Kesinambungan biodiversiti dapat dipelihara melalui perlindungan alam sekitar pulau.

Manakala fauna yang biasa terdapat di kawasan pulau adalah seperti burung, hidupan marin termasuk penyu, dan pelbagai jenis terumbu karang. Pembangunan yang dibenarkan perlu merujuk kepada peraturan dan undang-undang yang terpakai untuk memelihara dan melindungi spesis yang hampir pupus dan terancam. Ini termasuk pengekalan sistem ekologi dan habitat seperti kawasan tanah tinggi, kawasan tadahan air, kawasan terumbu karang, kawasan pendaratan dan pembiakan penyu, gua batu kapur, kawasan persisiran pantai, dan hutan bakau atau hutan paya laut.

3.4 Pemeliharaan Kawasan Berkepentingan Warisan Negara

Habitat semula jadi dan ekosistem pantai dan pulau yang unik dan berkepentingan negara / dunia perlu dilindungi, dipelihara dan dipulihara untuk kepentingan generasi kini dan akan datang.

3.5 Kesejahteraan Dan Keselesaan Penduduk Serta Pengunjung

Bagi mencapai kesejahteraan dan keselesaan penduduk serta pengunjung pulau yang hendak dilaksanakan perlulah-

- menyediakan kemudahan asas dan sokongan serta keperluan asas yang mencukupi;
- reka bentuk bebas halangan (*universal design*) yang mengambilkira prinsip keadilan dan kesamarataan bagi semua golongan masyarakat; dan
- menyediakan kemudahan infrastruktur yang mencukupi dan tidak mempunyai impak terutamanya bagi pulau taman laut dan impak minima bagi pulau peranginan berdasarkan perundangan dan peraturan yang berkaitan.

4. DASAR DAN PERUNDANGAN SEDIA ADA

Pembangunan kawasan pulau, kawasan sekitar dan taman laut perlu mengambil kira perundangan dan dasar-dasar berikut:

i. Perundangan Berkaitan

- Kanun Tanah Negara, 1965 (Akta 56).
- Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172).
- Akta Perikanan, 1985 (Akta 317).
- *Marine Parks Malaysia Order,* 1994.

- Akta Fi 1951 Perintah Fi (Taman Laut Malaysia), 2003.
- Akta 635, Akta Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan), 2004.
- Akta Pemuliharaan Tanah, 1960 (Akta 385).
- Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127).
- Perintah Kualiti Alam Sekitar 1987 (Penilaian Kesan Alam Sekitar – Aktiviti yang Ditetapkan).
- Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Act 716).
- Akta Perhutanan Negara, 1984 (Pindaan 1993).
- Enakmen Perhutanan Negeri.
- Akta Taman Negara, 1980 (Akta 226).
- Akta Penyiasatan Kajibumi 1974 (Akta 129).
- Enakmen Perlombongan 1936 (F.M.S, Cap 147).

ii. Dasar Perancangan

- Dasar Alam Sekitar Negara (2002).
- Dasar Kepelbagaian Biodiversiti Kebangsaan (DKBK) 1998.
- Dasar Bio-Teknologi Negara, 2005.
- Dasar Perhutanan Negara, 1978 (Pindaan 1992)
- Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (2010-2015).
- Rancangan Fizikal Negara Ke-2 (2010).
- Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara, (RFZPPN) 2010 (JPBD).
- National Integrated Coastal Zone Management Policy, 2005, Unit Perancang Ekonomi.
- Rancangan Struktur Negeri
- Rancangan Tempatan Daerah
- Rancangan Kawasan Khas

iii. Garis Panduan Berkaitan

- Garis Panduan Eko Pelancongan Kebangsaan.
- Garis Panduan JPS 1/97: Kawalan Hakisan Berikutan dari Pembangunan di Kawasan Pantai.
- *Guideline For Preparation Of Coastal Hydraulic Study and Impact Evaluation.*
- Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (ISMP).
- Pelan Pengurusan Taman Laut.
- Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Persisiran Pantai 1997.
- Kajian Tampungan Pulau-Pulau.

5. GARIS PANDUAN UMUM

5.1 Pulau Pembangunan

Aktiviti sedia ada dan cadangan-cadangan pembangunan fizikal di pulau pembangunan pada dasarnya tertakluk kepada zon guna tanah serta syarat-syarat terperinci yang dinyatakan di dalam rancangan tempatan (RT), dan strategi pembangunan RFZPPN dan Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu bagi (ISMP) bagi Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Pulau Pinang.

5.2 Pulau Peranginan

Aktiviti-aktiviti pembangunan fizikal di pulau peranginan hendaklah menitik beratkan pembangunan mampan. Perkara utama yang perlu dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti keupayaan tampungan *(carrying capacity)* iaitu tahap pembangunan yang mampu ditampung oleh pulau tersebut.

5.3 Pulau Taman Laut

Pembangunan pulau taman laut perlu merujuk kepada Laporan Tahap Tampungan, garis panduan pembangunan serta peraturan-peraturan sedia ada yang ditetapkan.

Pulau-pulau bagi kategori ini perlu diwartakan sebagai kawasan perlindungan.

Seksyen 41 hingga Seksyen 45, Akta Perikanan 1985 telah menggariskan aktiviti yang dibenar dan tidak dibenarkan supaya dapat memelihara terumbu karang dan ekosistem marin. Senarai aktiviti yang dibenar dan tidak dibenarkan adalah seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Senarai Aktiviti Yang Dibenarkan Dan Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan Di Kawasan Pulau Taman Laut menurut Akta Perikanan 1985.

Aktiviti yang dibenarkan	• *Scuba Diving.* • *Snorkeling .* • Fotografi dasar laut. • Berkanu *(Non-motorised boating).* • Merentas Hutan.
Aktiviti yang dilarang	• Membunuh ikan. • *Spear gun fishing.* • Mengambil karang, cengkerang dan organisma marin yang hidup. • Mengambil tanah dan karang yang mati. • Membuang sampah dan mencemar kawasan marin. • Meletak sauh terus ke kawasan karang. • Membina apa-apa struktur.

Senarai lengkap kawalan aktiviti pembangunan pulau taman laut yang dilindungi diterangkan secara terperinci di bawah-

Kawalan Aktiviti Pembangunan Pulau Taman Laut Marin/Pulau Yang Dilindungi

Aktiviti-Aktiviti Yang Dibenarkan

Bagi Pulau Taman Laut, di bawah Akta Perikanan, 1985, aktiviti-aktiviti yang dibenarkan bagi kawasan 2 batu nautika dari kepulauan tersebut adalah-

- penyelidikan saintifik dan ekologi hendaklah mendapat kebenaran daripada Jabatan Taman Laut dan mematuhi syarat terhad kepada keupayaan tampungan;

- aktiviti perkapalan terhad kepada bot-bot yang berlesen dan berdaftar sahaja. Laluan kapal juga hendaklah mengikut laluan yang dibenarkan oleh Jabatan Laut dan Jabatan Perikanan;

- *Beach combing* dibenarkan dengan syarat-syarat berikut:

  a. menyediakan *coastal trails* mengikut kontor;
  b. menyediakan bangku;
  c. menyediakan *platform* tempat perhentian;
  d. menyediakan tangga ke kawasan tinggi; dan
  e. tidak mengambil objek-objek dari kawasan tinggi.

- aktiviti perkelahan hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

  a. menyediakan meja dan bangku;
  b. menyediakan tempat pembuangan sampah;
  c. menyediakan tempat persalinan, tandas, bekalan air serta ruang *barbeque pits;* serta
  d. menyediakan tempat berkhemah dengan kemudahan tempat-tempat mandi, mencuci, tandas, *barbeque* serta menyediakan meja dan bangku.

- Aktiviti *snorkeling* menyelam dan penghayatan alam semulajadi.

Aktiviti-Aktiviti Tidak Dibenarkan

Aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan adalah-

- menangkap ikan atau cuba menangkap ikan;

- mengambil, mengalih atau memiliki mana-mana haiwan akuatik atau tumbuhan akuatik atau sebahagian darinya sama ada yang hidup atau mati;

- memungut atau memiliki mana-mana karang, mengorek atau mengeluarkan mana-mana pasir atau batu kelikir, membuang atau meletakkan apa-apa pencemar, mengubah atau memusnahkan tapak pembiak-biak semula jadi atau habitat hidupan akuatik, atau memusnahkan mana-mana hidupan akuatik;

- membina atau mendirikan apa-apa bangunan atau lain-lain binaan atas atau yang merintangi mana-mana tanah

atau perairan dalam sesuatu taman laut atau rizab laut;

- melabuhkan mana-mana vesel dengan menjatuhkan apa-apa jenis pemberat, atau dengan menyangkut apa-apa jenis tali atau rantai, kepada mana-mana karang, batu dan lain-lain yang timbul;

- memusnahkan, mencacatkan atau mengalih apa-apa benda sama ada bernyawa atau tidak bernyawa, dalam taman laut atau rizab laut;

- tiada seorang pun boleh membawa, menggunakan atau memiliki dalam Taman Laut dan Rezab Laut di Perairan Malaysia apa jua senapang angin, serampang kelengkapan melembing ikan, tempuling atau senapang sedutan atau apa jua jenis senjata lain yang berkemungkinan memberbahaya kepada hidupan tumbuhan akuatik, hidupan haiwan akuatik atau struktur terumbu karang;

- aktiviti-aktiviti kuari dan industri yang melibatkan aktiviti memproses yang menghasilkan pengeliaran asap dan mencemarkan air;

- aktiviti jet-ski, skuter atau ski air tidak dibenarkan di kawasan taman laut; serta

- aktiviti-aktiviti industri besar dan kecil kecuali industri kampung/tradisional/ industri berasaskan laut.

Pembangunan Yang Tidak Dibenarkan

Pembangunan yang tidak dibenarkan di taman laut/pulau yang dilindungi adalah-

- Aktiviti penambakan laut dipersisiran pantai tidak dibenarkan di dalam atau bersempadan dengan ekosistem sensitif serta pantai pelancongan utama;

- tapak pelupusan sisa toksid;

- pertanian secara besar-besaran (perlu berdasarkan peratusan keluasan pulau);

- taman tema (*theme park)*;

- tidak dibenarkan pengambilan /pengorekan pasir dalam kawasan di mana kedalaman air kurang dari 10 meter dari *Lowest Astronomical Tide* atau kurang dari 1.5 km dari *Low Water Line* yang mana lebih jauh;

- akuakultur laut yang melibatkan pemberian makanan tambahan kepada ternakan;

- tapak perkuburan yang melebihi 2 hektar; dan

- aktiviti pengkuarian.

Semua pembangunan di kawasan pulau dan lingkungan taman-taman laut perlu mematuhi Pelan Pengurusan Taman-Taman Laut. RFZPPN turut mencadangkan Pulau Tioman, Pulau Perhentian Kecil dan Pulau Perhentian Besar, Pulau Redang, Pulau

Lang Tengah, Pulau Tinggi dan Pulau Sibu disediakan satu rancangan khas pulau-pulau berkenaan.

Semua pembangunan baru dan perluasan pembangunan sedia ada dibenarkan (RFZPPN), tertakluk kepada cadangan di dalam Pelan Pengurusan Bersepadu/Pelan Pengurusan Taman laut atau RKK berkaitan.



Foto 9: Aktiviti-aktiviti yang dibenarkan di kawasan pulau taman laut

5.4 Pulau-Pulau Tidak Didiami

- Pulau-pulau ini penting dilindungi, diberi nama dan diwartakan. Pulau tidak didiami ini menjadi tempat persinggahan dan perlindungan kepada nelayan untuk berteduh serta menjadi salah satu habitat utama bagi hidupan air.
- Penentuan batu sempadan perlu dilaksanakan dengan segera oleh pihak-pihak terlibat seperti Jabatan Ukur dan Pemetaan bagi mengelakkan pencerobohan pihak-pihak lain serta memastikan hak milik pulau berkenaan dipelihara. Tindakan ini sangat signifikan kerana sesebuah negara boleh menuntut sempadan perairan sehingga 200 batu nautika dari pulau tersebut termasuk sumber ekonomi dipersekitarannya.
- **Kerajaan Negeri hendaklah segera menentukan potensi pembangunan pulau-pulau kategori ini**. Aktiviti yang dicadangkan adalah aktiviti yang berimpak rendah seperti aktiviti penyelidikan, *snorkeling*, fotografi dasar laut tanpa mengacau ganggu habitat asal dan juga memancing.



Foto 10 : Contoh-contoh pulau tidak didiami di Langkawi.

6. GARIS PANDUAN KHUSUS

Bahagian ini akan menerangkan berkenaan piawaian perancangan yang terlibat mengikut aktiviti-aktiviti yang telah ditetapkan.

Jadual 3 : Piawaian Mengikut Aktiviti-Aktiviti yang Ditetapkan

AKTIVITI	ZON	PULAU PEMBANGUNAN	PULAU PERANGINAN	PULAU TAMAN LAUT	PULAU TIDAK DIDIAMI
1. Hotel,Kondo, Pangsa; chalet; dan lain-lain jenis perumahan seperti teres, berkembar, sesebuah dan pembangunan perniagaan	PANTAI	i. Anjakan undur bangunan di pantai berpasir dan berbatu ialah 60 meter dari paras purata air pasang perbani (*Mean High Water Spring*-MHWS). Bagi pantai berlumpur yang ditumbuhi paya bakau, anjakan pembangunan ialah 400 meter. ii. Bagi pantai berpasir, pengecualian boleh diberikan kepada anjak undur bangunan 20 meter dengan syarat menyediakan kerja-kerja kawalan hakisan. Paras minima anjakan belakang yang lebih lebar akan ditetapkan untuk kawasan tanah rendah yang kurang daripada 20 meter melebihi purata air pasang perbani. iii. Pewartaan rizab depan persisiran pantai perlu dikuatkuasakan, sepertimana yang dicadangkan di dalam RFZPPN. Paras minima anjakan belakang yang lebih lebar akan ditetapkanuntuk kawasan-kawsan tanah yang rendah yang kurang 2 meter melebihi paras air pasang perbani. Pewartaan rizab depan persisiran pantai perlu digunakan untuk menguatkuasakan anjakan tersebut iv. Bagi kawasan yang dizon/diisytihar sebagai kawasan berisiko tsunami, tiada aktiviti penempatan dijalankan. v. Kajian hidraulik dan pemantauan garis pantai hendaklah dilaksanakan oleh pihak pemaju dan diluluskan oleh JPS sebagai syarat pembangunan vi. Sebarang bangunan atau pembinaan yang melintasi pantai hingga pergigian air tidak dibenarkan sama sekali. vii. Nisbah plot bangunan adalah berdasarkan kepada RT. viii. Menyediakan laluan awam selebar 6 meter di antara sempadan lot bersebelahan yang berhadapan sungai. ix. Reka bentuk bangunan perlu menggambarkan ciri-ciri tempatan dan warisan negara.		Sebarang aktiviti pembangunan tidak dibenarkan	Tertakluk kepada dasar kerajaan negeri. Walau bagaimana-pun, sekiranya pembangu-nan ini ingin dilaksana-kan, PBT perlu mengenakan Syarat-syarat yang ketat dan kajian terhadap keupayaan tampungan perlu dilaksanakan terlebih dahulu.

Sambungan...

<table>
<tr><th>AKTIVITI</th><th>ZON</th><th>PULAU PEMBANGUNAN</th><th>PULAU PERANGINAN</th><th>PULAU TAMAN LAUT</th><th>PULAU TIDAK DIDIAMI</th></tr>
<tr><td rowspan="10">Sambungan 1</td><td></td><td colspan="2">x. Pembuangan kumbahan melalui penyediaan sistem kumbahan mengikut standard yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS).
xi. Mematuhi RT.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td rowspan="9">BUKIT</td><td colspan="2">i. Pembangunan boleh dipertimbangkan dengan mematuhi GP Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi.</td><td rowspan="9">Hanya pembinaan chalet yang tidak menggunakan struktur kekal sahaja yang dibenarkan. Walau bagaimanapun, cadangan pembinaan memerlukan kajian carrying capacity.</td><td rowspan="9">Tiada sebarang aktiviti dibenarkan</td></tr>
<tr><td colspan="2">ii. Kelulusan kajian EIA daripada JAS hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi pemajuan perumahan melebihi 50 hektar. Bagi pembinaan tempat peranginan atau hotel yang mempunyai lebih 80 buah bilik atau 50 Hektar atau lebih di kawasan bukit juga memerlukan kelulusan EIA daripada JAS.</td></tr>
<tr><td colspan="2">iii. Pengekalan kawasan tumbuhan semulajadi perlu mematuhi GP Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi.</td></tr>
<tr><td colspan="2">iv. Penebangan pokok hendaklah mematuhi syarat-syarat dalam Akta Pemuliharaan Tanah, 1960 dan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976.</td></tr>
<tr><td colspan="2">iv. Penebangan pokok hanya dibenarkan di atas tapak 'plinth' setiap bangunan.</td></tr>
<tr><td>v. Reka bentuk bangunan menggambarkan ciri-ciri tempatan dan warisan negara.</td><td rowspan="2">Ketinggian bangunan hendaklah mematuhi kepadatan yang dibenarkan mengikut RT dan Pelan Pembangunan Pulau Peranginan.</td></tr>
<tr><td>vi. Ketinggian bangunan hendaklah mematuhi kepadatan yang dibenarkan mengikut RT.</td></tr>
<tr><td>vii. Kepadatan mengikut Rancangan Tempatan.</td><td rowspan="2">Kepadatan mengikut RT.</td></tr>
<tr><td>viii. Tapak pembangunan dan sistem jalan mengikut kontor asal kawasan.</td></tr>
</table>

Sambungan...

AKTIVITI	ZON	PULAU PEMBANGUNAN	PULAU PERANGINAN	PULAU TAMAN LAUT	PULAU TIDAK DIDIAMI
	SUNGAI	i. Anjak undur bangunan ialah 20 meter dari rizab sungai seperti yang ditetapkan oleh JPS.		Tiada sebarang aktiviti dibenarkan.	
		ii. Bangunan hendaklah mengadap ke sungai.			
		iii. Ketinggian dan kepadatan bangunan mengikut RT.	Had ketinggian 12 meter dan kepadatan tidak melebihi 20 bilik hotel/unit kondominium seekar. Mematuhi Pelan Pembangunan Pulau Peranginan.		
	LAUT	Pembangunan Atas Air hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut: i. Jarak antara bangunan hendaklah sekurangnya 3.3 meter. ii. Kepadatan tidak melebihi 5 bilik hotel/unit kondominium seekar. iii. Sistem pembetungan hendaklah melalui paip ke saluran utama atas darat. iv. Kajian hidraulik dan pemantauan garis pantai hendaklah dilaksanakan oleh pihak pemaju dan diluluskan oleh JPS sebagai syarat pembangunan.		Tidak dibenarkan	
2. Padang Golf	PANTAI	i. Padang golf yang mempunyai resort sahaja dibenarkan dan memerlukan kelulusan kajian EIA. Bagi pulau-pulau kecil tidak digalakkan pembinaan padang golf. ii. Mewujudkan zon penampan selebar 20 meter dari air pasang perbani (*Mean High Water Spring*) MHWS. iii. Tiada bangunan kekal di dalam kawasan 60 meter dari MHWS. iv. Kawasan untuk struktur pembinaan/bangunan hendaklah tidak melebihi 10% daripada keseluruhan kawasan projek. v. Ketinggian bangunan tidak melebihi 2 tingkat daripada tanah tertinggi. vi. Reka bentuk bangunan menggambarkan warisan negara. vii. Ketinggian bangunan bersebelahan padang golf hendaklah tidak melebihi 4 tingkat. viii. Keadaan asal topografi hendaklah dikekalkan dan penebangan pokok hanya dibenarkan di mana perlu.		Tidak dibenarkan	

Sambungan..

AKTIVITI	ZON	PULAU PEMBANGUNAN	PULAU PERANGINAN	PULAU TAMAN LAUT	PULAU TIDAK DIDIAMI
	BUKIT	i. Dibenarkan di kawasan berlereng tidak melebihi 15 darjah dan tidak melebihi 150 meter kontor. ii. Sistem jalan hendaklah mengikut kontor asal tapak.		Tidak dibenarkan	
	SUNGAI	i. Mewujudkan zon penampan selebar 10 meter dari rizab sungai ii. Anjak undur bangunan ialah 120 meter dari rizab sungai.		Tidak dibenarkan	
3.Taman Tema	PANTAI	i. Tiada bangunan kekal dalam lingkungan 20 meter dari MHWS. ii. Mewujudkan laluan awam 6 meter (20 kaki) di sempadan tepi lot pemajuan. iii. Luas maksima kawasan pembangunan 20.25 hektar (50 ekar).		Tidak dibenarkan	
	BUKIT	Tidak dibenarkan			
	SUNGAI	i. Tidak dibenarkan pembangunan di kawasan rizab sungai kecuali untuk tujuan lanskap. ii. Anjak undur bangunan ialah 20m dari rezab sungai. iii. Luas maksima kawasan pembangunan 20.25 hektar (50 ekar)		Tidak dibenarkan	Tidak dibenarkan
4. Kelab Rekreasi, Marina dan Jeti	PANTAI	i. Anjak undur bangunan kekal ialah 20 meter dari paras purata MHWS. ii. Syarat anjakan dikecualikan juga sekiranya pembinaan di atas cerucuk. iii. Pagar kawalan kelodak diperlukan bagi mengurangkan berlakunya air keruh terutama dikawasan berdekatan kehidupan laut dan kawasan terumbu karang. iv. Memerlukan kelulusan EIA, Kajian hidraulik dan pemantauan garis pantai hendaklah dilaksanakan oleh pihak pemaju dan diluluskan oleh JPS sebagai syarat pembangunan.		i. Kemudahan pelancongan atau rekreasi di dalam taman laut yang telah diwartakan perlu memperoleh kelulusan EIA terperinci daripada JAS.	Hanya pembinaan jeti sahaja dibenarkan.

Sambungan...

AKTIVITI	ZON	PULAU PEMBANGUNAN	PULAU PERANGINAN	PULAU TAMAN LAUT	PULAU TIDAK DIDIAMI
	SUNGAI	i. Tiada bangunan kekal di kawasan rizab sungai. ii. Anjak undur bangunan ialah 20 meter dari rezab sungai. iii. Hanya industri ringan yang tidak melibatkan proses dan bahan buangan ke udara atau air sahaja dibenarkan. v. Memerlukan kelulusan EIA dan Laporan Hidraulik.		Tidak dibenarkan	Tidak dibenarkan
	LAUT	i. Tapak binaan tidak didirikan dikawasan terumbu karang, hutan bakau atau rumput laut. ii. Keluasan tapak jeti dan marina tidak melebihi 1.2 hektar. Bot/kapal yang menggunakan jeti dan marina berkapasiti tidak melebihi 150 penumpang dan krew. ii. Memerlukan kelulusan EIA, Kajian hidraulik dan pemantauan garis pantai hendaklah dilaksanakan oleh pihak pemaju dan diluluskan oleh JPS sebagai syarat pembangunan.		i. Tapak binaan tidak didirikan dikawasan terumbu karang, hutan bakau atau rumput laut ii. Lebar jeti dan marina tidak melebihi 3 meter. iii. Perlu mengikut keperluan setiap PBT dan memerlukan kajian hidraulik.	Tidak dibenarkan
5. Industri Ringan	PANTAI	i. Anjak undur bangunan bagi industri ringan ialah 500 meter dari MHWS manakala bagi industri berat ialah 1000 meter. ii. Kelulusan kajian EIA diperlukan. iii. Industri ringan yang tidak melibatkan proses dan pembuangan bahan buangan sama ada udara mahupun melalui air sahaja dibenarkan- JAS	Hanya dibenarkan industri ringan dengan syarat anjak undur bangunan ialah 500 meter dari MHWS. Hanya industri ringan yang tidak melibatkan proses dan bahan buangan ke udara atau air sahaja dibenarkan.	Tidak dibenarkan	Industri ringan berasaskan sumber laut sahaja dibenarkan, bergantung pada.
		Industri ringan berasaskan sumber laut digalakkan			

Sambungan...

AKTIVITI	ZON	PULAU PEMBANGUNAN	PULAU PERANGINAN	PULAU TAMAN LAUT	PULAU TIDAK DIDIAMI
	BUKIT	Tidak dibenarkan			
	SUNGAI	i. Anjak undur bangunan bagi industri ringan ialah 500 meter dari MHWS. ii. Kelulusan kajian EIA diperlukan.	Hanya dibenarkan industri ringan dengan syarat anjak undur bangunan ialah 500 meter dari MHWS. Hanya industri ringan yang tidak melibatkan proses dan bahan buangan ke udara atau air sahaja dibenarkan. Kelulusan kajian EIA diperlukan.	Tidak dibenarkan	

Sambungan...

AKTIVITI	ZON	PULAU PEMBANGUNAN	PULAU PERANGINAN	PULAU TAMAN LAUT	PULAU TIDAK DIDIAMI
6. Penambakan Laut	PANTAI	i. Projek penambakan laut hanya dibenarkan sekiranya projek dapat dibuktikan mempunyai manfaat ekonomi dan tidak menjejaskan manfaat sosial dan alam sekitar. Cadangan pembangunan harus dirujuk kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN). ii. Penambakan laut untuk tujuan menghasilkan pulau tiruan tidak dibenarkan. iii. Pembangunan pelabuhan strategik yang mempunyai kepentingan nasional dibenarkan setelah dipersetujui oleh MPFN. iv. Penambakan laut hanya akan dipertimbangkan dengan syarat-syarat seperti yang digariskan di dalam RFZPPN **(rujuk lampiran 2)** v. Sekiranya dilakukan, keluasan maksimum adalah 50 hektar. Kelulusan kajian EIA terperinci diperlukan. Bagi kawasan yang mempunyai keluasan 20 Hektar, perlu mendapat kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar (MPFN Bil4/2005). vi. Mewujudkan zon penampan selebar 60 meter dari MHWS. Pengecualian boleh diberikan kepada zon penampan 20 meter dengan syarat menyediakan kerja kerja kawalan hakisan. vii. Projek tebus guna yang sedia ada yang dijalankan oleh pemaju memerlukan Pelan Pengurusan Persisiran Pantai. viii. Kajian hidraulik hendaklah dilaksanakan oleh pihak pemaju dan diluluskan oleh JPS sebagai syarat	Tidak dibenarkan		Penyediaan rumah api sebagai tanda sempadan negara mengelakkan pencerobohan dibenarkan.

Sambungan...

AKTIVITI	ZON	PULAU PEMBANGUNAN	PULAU PERANGINAN	PULAU TAMAN LAUT	PULAU TIDAK DIDIAMI
		pembangunan.			
	SUNGAI	Tidak dibenarkan			
	LAUT	Tidak dibenarkan			
7. Tapak Perkuburan	SUNGAI	i. Anjak undur bangunan kekal ialah 60 meter.			Tidak dibenarkan
		ii. Mewujdkan zon penampan selebar 10 meter di sekeliling sempadan lot.		Luas maksima 2 hektar.	Tidak dibenarkan
		iii. Anjakan minima kawasan pembangunan ialah 10 meter dari rizab sungai.			
	BUKIT	i. Dibenarkan di kawasan tidak melebihi 20 darjah.			
8. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	PANTAI	Penggunaan mini *incinerator* selain daripada kaedah-kaedah pelupusan lain yang mesra alam dibenarkan dengan syarat mendapat kelulusan Kajian EIA terperinci.	Melaksanakan pengurusan sisa pepejal besepadu. (RFZPPN)	Tidak dibenarkan	
	BUKIT	Tidak dibenarkan			
	SUNGAI	Tidak dibenarkan			
9.Kerja Pengorekan dan Perlombongan	PANTAI	i. Tidak dibenarkan di kawasan kedalaman air kurang dari 10 meter dari *Lowest Astronomical Tide* atau kurang dari 1.5 km *Low Water Line atau* yang mana lebih jauh. Sebagai langkah memelihara ekologi, pengorekan pasir perlu dijalankan secara minimum bagi memastikan rumpai laut tidak pupus. ii. Mendapat kelulusan EIA. iii. Mematuhi syarat-syarat yang digariskan di dalam RFZPPN (**Rujuk Lampiran 3) atau lain-lain pelan pengurusan.** iv. Kajian hidraulik dan pemantauan garis pantai hendaklah dilaksanakan oleh pihak pemaju dan diluluskan oleh JPS sebagai syarat pembangunan.	Tidak dibenarkan		

Sambungan...

AKTIVITI	ZON	PULAU PEMBANGUNAN	PULAU PERANGINAN	PULAU TAMAN LAUT	PULAU TIDAK DIDIAMI
10. Kuari	BUKIT	Kelulusan kajian EIA hendaklah diperolehi terlebih dahulu.		Tidak dibenarkan	
11. Pembinaan Pelantar Rekreasi	LAUT	Dibenarkan		Struktur kekal *(fixed)* tidak dibenarkan manakala struktur terapung perlu mendapat kelulusan Jabatan Taman Laut.	Tidak dibenarkan
12.Pemasangan kabel dan Saluran Paip Dasar Laut (Petroleum)	LAUT	Kelulusan kajian EIA hendaklah diperolehi, Kajian hidraulik dan pemantauan garis pantai hendaklah dilaksanakan oleh pihak pemaju dan diluluskan oleh JPS sebagai syarat pembangunan.		i. Kelulusan kajian EIA hendaklah diperolehi. ii. Tidak dibenarkan menggali dasar laut untuk menanam kabel / paip laut.	Tidak dibenarkan
13. Pembinaan Sangkar Ikan Terapung	LAUT	Dibenarkan dengan syarat mendapat kelulusan Jabatan Perikanan dan Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Taman Laut. PBT perlu memastikan kualiti visual pembangunan.			
14. Pembinaan Pontoon atau Lain-Lain Struktur	LAUT	Dibenarkan dengan syarat mendapat kelulusan Jabatan Perikanan dan Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Taman Laut. PBT perlu memastikan kualiti visual pembangunan.			
15. Penyediaan Tukun	LAUT	Dibenarkan.	Mendapat kebenaran dan memenuhi syarat-syarat daripada Jabatan Taman Laut.		
16. Pembangunan Akuakultur	PANTAI	Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam RFZPPN **(rujuk Lampiran 4)** atau lain-lain pelan pengurusan. Kajian hidraulik dan pemantauan garis pantai hendaklah dilaksanakan oleh pihak pemaju dan diluluskan oleh JPS sebagai syarat pembangunan.	Tidak dibenarkan kecuali sistem akuakultur yang tidak melibatkan pemberian makanan tambahan dan memenuhi syarat-syarat Jabatan Taman Laut.		
17. Pembangunan Lapangan terbang kecil	LAUT	Memerlukan perancangan yang teliti dan kelulusan	Memerlukan perancangan yang teliti dan syarat-	Tidak dibenarkan	

Sambungan...


AKTIVITI	ZON	PULAU PEMBANGUNAN	PULAU PERANGINAN	PULAU TAMAN LAUT	PULAU TIDAK DIDIAMI
		EIA.	syarat yang ketat serta kelulusan EIA.		
18. Pembinaan Pelabuhan Baru	PANTAI	Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam RFZPPN **(rujuk Lampiran 5)** atau lain-lain pelan pengurusan. Kajian hidraulik dan pemantauan garis pantai hendaklah dilaksanakan oleh pihak pemaju dan diluluskan oleh JPS sebagai syarat pembangunan.	Tidak dibenarkan		
19. Aktiviti Mencuci Kapal	LAUT	Tertakluk kepada syarat-syarat daripada Jabatan Laut dan Alam Sekitar.	Tertakluk kepada syarat-syarat yang ketat daripada Jabatan Laut dan Alam Sekitar.	Tidak dibenarkan	

Setiap aktiviti yang melibatkan pembinaan perlu menyediakan Laporan hidraulik/*Guideline for preparation of coastal Hydraulic study and Impact Evaluation.*

7. PIAWAIAN PERANCANGAN BANGUNAN DAN JALAN DI KAWASAN PULAU

7.1 Anjakan Belakang

Jarak anjakan belakang iaitu antara hujung bangunan dengan mana-mana sempadan lot ialah 1.5 meter dan jarak antara hujung bangunan dengan hujung bangunan ialah 3 meter seperti Rajah 2. Perlu semak aspek anjakan bangunan sama ada anjakan di kawasan pulau adalah sama dengan kawasan daratan.



Rajah 2: Anjak Belakang /Ruang Legar (kawasan kediaman).

7.2 Ruang Legar *(Clear Space)*


Berhubung dengan ruang legar, bagi kawasan yang tidak bersempadan dengan lorong belakang, ruang legar ialah 4 meter seperti Rajah 3.



Rajah 3: ruang legar bagi kawasan kediaman.

7.3 Jarak Antara Garis Bangunan Dengan Rizab Jalan


Bagi bangunan yang mengadap rizab jalan utama jarak antara garis bangunan dengan rizab jalan adalah 4 meter seperti Rajah 4.



Rajah 4: Jarak antara garis bangunan dengan rizab jalan (kediaman)


7.4 Rizab Dan Lebar Jalan

i. Rizab jalan utama dalam perumahan ialah 3.5 meter bagi jalan sehala.



Rajah 5: Rizab dan lebar jalan

ii. Rizab lorong belakang ialah 3.5 meter seperti Rajah 6.



Rajah 6: Rizab Lorong Belakang/Sisi

8. PENUTUP

Pembangunan yang pesat pada masa kini memerlukan garis panduan yang kondunsif bagi mengelakkan kesan negatif terhadap kawasan pulau-pulau. Adalah diharapkan penyediaan garis panduan ini dapat menyokong usaha-usaha kerajaan ke arah pembangunan fizikal dan pemeliharaan alam sekitar yang seimbang dalam mencapai pembangunan yang mampan yang tidak menjejaskan daya tarikan semula jadi sesebuah pulau.

Rujukan :

- IPCC (2007), *"IPCC Fourth Assessment Report: Climate Change 2007 (Synthesis Report)",* Intergovernmental Panel on Climate Change.
- Kanun Tanah Negara, 1965 (Akta 56).
- Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172).
- Akta Perikanan, 1985 (Akta 317).
- *Marine Parks Malaysia Order,* 1994.
- Akta Fi 1951 Perintah Fi (Taman Laut Malaysia), 2003.
- Akta 635, Akta Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan), 2004.
- Akta Pemuliharaan Tanah, 1960 (Akta 385).
- Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127).
- Perintah Kualiti Alam Sekitar 1987 (Penilaian Kesan Alam Sekitar – Aktiviti yang Ditetapkan).

- Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Act 716).
- Akta Perhutanan Negara, 1984 (Pindaan 1993).
- Enakmen Perhutanan Negeri.
- Akta Taman Negara, 1980 (Akta 226).
- Akta Penyiasatan Kajibumi 1974 (Akta 129).
- Enakmen Perlombongan 1936 (F.M.S, Cap 147).
- Dasar Alam Sekitar Negara (2002).
- Dasar Kepelbagaian Biodiversiti Kebangsaan (DKBK) 1998.
- Dasar Bio-Teknologi Negara, 2005.
- Dasar Perhutanan Negara, 1978 (Pindaan 1992)
- Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (2010-2015).
- Rancangan Fizikal Negara Ke-2 (2010).
- Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara, (RFZPPN) 2010 (JPBD).
- National Integrated Coastal Zone Management Policy, 2005, Unit Perancang Ekonomi.
- Rancangan Struktur Negeri
- Rancangan Tempatan Daerah
- Rancangan Kawasan Khas
- Garis Panduan Eko Pelancongan Kebangsaan.
- Garis Panduan JPS 1/97: Kawalan Hakisan Berikutan dari Pembangunan di Kawasan Pantai.
- *Guideline For Preparation Of Coastal Hydraulic Study and Impact Evaluation.*
- Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (ISMP).
- Pelan Pengurusan Taman Laut.
- Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Persisiran Pantai 1997.
- Kajian Tampungan Pulau-Pulau.

SENARAI PULAU-PULAU DI MALAYSIA

Bil	Negeri/Nama Pulau	Keluasan (KM-Persegi)	Kategori Pulau-Pulau				
			Pulau Pembangunan	Pulau Peranginan	Pulau Taman Laut	Pulau Tidak Didiami	Pulau Di Kawasan Sungai
Kedah		**571.2**					
1.			Pulau Langkawi				
2.					Pulau Paya		
3.					Pulau Kaca		
4.					Pulau Lembu		
5.					Pulau Segantang		
6.	Pulau Tuba						
7.	Pulau Dayang Bunting						
8.	Pulau Singa Besar						
9.	Pulau Beras Basah						
10.	Pulau Rebak Besar						
11.	Pulau Rebak Kechil						
12.	Pulau Langgun						
13.	Pulau Tanjung Dendang						
14.	Pulau Tepor						
15.	Pulau Bunting						
16.	Pulau Songsong						
17.	Pulau Telor						
18.	Pulau Bidan						
19.	Pulau Kedah						
20.	Pulau Sayak						
21.	Pulau Sigal						
22.	Pulau Batu Merah						
23.	Pulau Kukus						
24.	Pulau Simpang Tiga Besar						

Bil	Negeri/Nama Pulau	Keluasan (KM-Persegi)	Kategori Pulau-Pulau				
			Pulau Pembangunan	Pulau Peranginan	Pulau Taman Laut	Pulau Tidak Didiami	Pulau Di Kawasan Sungai
25.	Pulau Simpang Tiga Kechil						
26.	Pulau Gubang Darat						
27.	Pulau Gubang Laut						
28.	Pulau Puchong						
29.	Pulau Ketumbu						
30.	Pulau Tajai						
31.	Pulau Balar						
32.	Pulau Batang						
33.	Pulau Ujong Buloh						
34.	Pulau Selat Riang-Riang						
35.	Pulau Dua						
36.	Pulau Lima						
37.	Pulau Ayam						
38.	Pulau Duyung						
39.	Pulau Sipak						
40.	Pulau Selang Besar						
41.	Pulau Paku						
42.	Pulau Chorong						
43.	Pulau Kentut Besar						
44.	Pulau Kentut Kechil						
45.	Pulau Chupak						
46.	Pulau Jong						
47.	Pulau Singa Kechil						
48.	Pulau Selang Kechil						
49.	Pulau Nyior Setali						
50.	Pulau Enggang						

Bil	Negeri/Nama Pulau	Keluasan (KM-Persegi)	Kategori Pulau-Pulau				
			Pulau Pembangunan	Pulau Peranginan	Pulau Taman Laut	Pulau Tidak Didiami	Pulau Di Kawasan Sungai
51.	Pulau Pasir						
52.	Pulau Batu Punggah						
53.	Pulau Lintang Jalan						
54.	Pulau Anak Pulau Berangan						
55.	Pulau Anak Tikus						
56.	Pulau Kapal						
57.	Pulau Peluru						
58.	Pulau Tanggok						
59.	Pulau Anak Kilim						
60.	Pulau Chempulin						
61.	Pulau Teluk Jong						
62.	Pulau Anak Gua Cherita						
63.	Pulau Gua						
64.	Pulau Bebilis						
65.	Pulau Kelam Baya						
66.	Pulau Chabang						
67.	Pulau Pasir						
68.	Pulau Gasing						
69.	Pulau Dangli						
70.	Pulau Jemurok						
71.	Pulau Anak Pulau Datai						
72.	Pulau Burau						
73.	Pulau Selat Senari						
74.	Pulau Tekon Baba						
75.	Pulau Ular						

Bil	Negeri/Nama Pulau	Keluasan (KM-Persegi)	Kategori Pulau-Pulau				
			Pulau Pembangunan	Pulau Peranginan	Pulau Taman Laut	Pulau Tidak Didiami	Pulau Di Kawasan Sungai
76.	Pulau Selang						
77.	Pulau Lalang						
78.	Pulau Jerkom Besar						
79.	Pulau Jerkom Kechil						
80.	Pulau Ipoh						
81.	Pulau Bumbon Besar						
82.	Pulau Kerai						
83.	Pulau Bumbon Kechil						
84.	Pulau Tanggok Besar						
85.	Pulau Tanggok Kechil						
86.	Pulau Tiloi						
87.	Pulau Buyong						
88.	Pulau Kerengga						
89.	Pulau Chupak						
90.	Pulau Lading						
91.	Pulau Kedera						
92.	Pulau Timun						

Sumber: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Kedah & dan Laporan Maklumat, & Keluasan dan Perimeter bagi Negeri, Daerah dan Pulau-Pulau di Malaysia terbitan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM),2005

Bil	Negeri/Nama Pulau	Keluasan (KM-Persegi)	Kategori Pulau-Pulau				
			Pulau Pembangunan	Pulau Peranginan	Pulau Taman Laut	Pulau Tidak Didiami	Pulau Di Kawasan Sungai
Terengganu		**54.4**					
93.					Pulau Perhentian Besar		
94.					Pulau Perhentian Kecil		
95.					Pulau Susu Dara		
96.					Pulau Rawa		
97.					Pulau Serenggeh		
98.					Pulau Tokong Burung		
99.					Pulau Tokong Kemudi		
100					Pulau Tokong Kemudi Barat		
101					Pulau Redang		
102					Pulau Ling		
103					Pulau Ekor Tebu		
104					Pulau Kerengga Besar		
105					Pulau Kerengga Kecil		
106					Pulau Paku Besar		
107					Pulau Paku Kechil		
108					Pulau Cupak		
109					Pulau Lima		

Bil	Negeri/Nama Pulau	Keluasan (KM-Persegi)	Kategori Pulau-Pulau				
			Pulau Pembangunan	Pulau Peranginan	Pulau Taman Laut	Pulau Tidak Didiami	Pulau Di Kawasan Sungai
110					Pulau Ekor Tebu		
111					Pulau Pinang		
112					Pulau Yu Kecil		
113					Pulau Yu Besar		
114					Pulau Kapas		
115					Pulau Gemia		
116					Pulau Tenggol		
117					Pulau Nyireh		
118	Pulau Pasir Takir						
119	Pulau Che Long						
120	Pulau Wan Embong						
